

# Tambah pendapatan pesawah

Oleh YULPISMAN ASLI dan  
JUANI MUNIR ABU BAKAR  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 11 JUN

**K**ERAJAAN mengenal pasti beberapa langkah untuk menangani kemiskinan golongan pesawah yang selama ini bergantung kepada pemberian subsidi.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, antara langkah itu ialah meningkatkan kaedah pertanian moden, selain memperkenalkan tanaman konatan seperti sayuran dan buah-buahan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

“Selama yang kita tahu penanam padi adalah golongan miskin dan mereka bergantung kepada subsidi kerajaan, kita kenalpasti beberapa perkara yang menyebabkan mereka terus dalam garis kemiskinan.

“Pertama, mereka mempunyai holding (sawah) yang terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan yang baik dan keduanya, mereka tidak efisien, di atas tanah satu ekar (0.4 hektar) boleh keluar (hasil) lapan tan, tapi mereka keluar cuma empat tan.

“Jadi pesawah perlu meningkatkan kaedah penanaman dan cara penggunaan baja. Kerajaan terpaksa bagi subsidi setahun RM1.8 bilion kepada 200,000 pesawah, ini satu kos yang tinggi.

“Jadi kita nak supaya mereka dapat menghasilkan pengeluaran lebih banyak per ekar dan pada masa sama kita mahu menangani masalah kemiskinan penanam padi dan tidak boleh paksa mereka hanya menanam padi,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) Bil. 3/2019 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan **Mohamed Azmin Ali** (dua dari kiri), **Saifuddin Nasution Ismail** (kanan) dan **Salahuddin Ayub**. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, pesawah boleh meningkatkan pendapatan mereka dengan menanam tanaman alternatif yang boleh memberi pulangan lebih baik.

“Kita perlu melihat perkara ini secara menyeluruh, sebab kemiskinan dan cara menanganinya dan pada masa sama kita mesti menjaga keselamatan bekalan makanan,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah mengarahkan Ketua Setiausaha Ne-

gara (KSN), Datuk Seri Dr. Ismail Bakar untuk mempercepatkan proses kelulusan permohonan pelaburan yang sebelum ini memakan masa dan melibatkan pelbagai agensi, dalam usaha merencanakan pertumbuhan ekonomi

Perdana Menteri memberi contoh pelaburan dalam sektor pembinaan perlu melalui 60 proses membabitkan pelbagai agensi untuk dapat kelulusan.

“Kita sudah ada pusat sehati, tetapi kewujudan pusat sehati juga tidak dapat mempercepatkan proses kelulusan pelaburan. Sebab itu kita telah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara untuk mengurangkan bilangan proses, agensi dan masa yang diambil dalam memberikan kelulusan kepada pelaburan,” katanya.

Sementara itu, kerajaan bersetuju menghidupkan se-

mula Majlis Produktiviti Negara (NPC) bagi menetapkan panduan dan hala tuju strategik serta memacu agenda produktiviti negara secara menyeluruh.

Menurut kenyataan EAC, keanggotaan NPC akan disusun semula supaya keahliannya terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berkepakaran untuk mengenal pasti isu dan masalah produktiviti di semua peringkat.

EAC turut memaklumkan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memulakan proses penyediaan pelan pembangunan negara, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang berpaksaan agenda kemakmuran bersama.

“Sesi libat urus bersama pelbagai pihak sedang dan akan dilaksanakan bagi menentukan pelan pembangunan tersebut yang bersifat menyeluruh dan mencapai matlamat,” tambahnya.